



JABATAN PERDANA MENTERI

SIARAN MEDIA

Surat Palsu Terhadap Jabatan Perdana Menteri Berkenaan Isu “*Collection Of Cash Cheque*”

Jabatan Perdana Menteri (JPM) ingin menafikan bahawa Bahagian Kewangan, JPM pernah mengeluarkan surat berkaitan “*Collection of Cash Cheque*” bertarikh 3 Mac 2019 kepada mana-mana pihak dan juga institusi kewangan yang dinyatakan dalam surat berkenaan.

Jabatan ingin menegaskan bahawa surat tersebut adalah **PALSU** yang dikeluarkan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab bagi tujuan penipuan. JPM ingin menasihatkan agar orang ramai yang menerima surat berkaitan “*Collection of Cash Cheque*” untuk membuat laporan Polis atau boleh merujuk kepada Unit Komunikasi Korporat, JPM bagi maklumat lanjut.

Sayangi Malaysiaku!

JABATAN PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA

3 Mei 2019

Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat di talian 03-8872 3437/ 23430/ 23493/ 23502.